

## Assalamualaikum wm. wbt dan Salam UTM Sanjungan Bangsa..

- Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih diucapkan kepada petugas barisan hadapan daripada UTM dan pelbagai agensi kerajaan, serta para sukarelawan terdiri daripada pelajar dan staf yang telah mengerah keringat, bertungkus lumus bertugas siang dan malam bagi mengekang penularan wabak Covid-19 di dalam kampus UTM Johor Bahru disepanjang tempoh PKPD UTM dilaksanakan sejak 21 Mei 2021 lalu.
- Menjunjung kasih di atas keprihatinan DYMM Tuanku Permaisuri Johor dan setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada pelbagai pihak yang tidak putus-putus menghulurkan pelbagai jenis bantuan berupa sokongan moral serta motivasi, sumbangan kewangan Tabung Prihatin Covid-19 UTM, bahan keperluan asas dan makanan kepada warga kampus yang berada di lokaliti UTM Johor Bahru.
- Terima kasih tidak terhingga diucapkan kepada semua warga yang berada di dalam kampus UTM kerana telah memberikan kerjasama sepenuhnya kepada petugas barisan hadapan, para sukarelawan dan pengurusan UTM disepanjang tempoh ini.
- Seluruh warga UTM diminta untuk kekal tenang, menjaga kesihatan, mengutamakan kebersihan dan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) setiap masa. Semoga keadaan persekitaran di kampus UTM akan terus terkawal seterusnya mengembalikan kampus UTM yang kita sayangi ini kepada Zon Hijau sepenuhnya.
- Semoga Allah SWT membalas segala jasa baik, bakti, usaha dan keprihatinan semua dengan sebaik-baik balasan di dunia dan akhirat. Ameen Ya Rabb.

- Kerana Tuhan Untuk Manusia -

**: Profesor Datuk Ts. Dr. Ahmad Fauzi bin Ismail**

Naib Canselor UTM